Dasar dan Perkembangan

- Hala Tuju Dasar pada Tahun 2004
- Penyeliaan Industri Takaful
- Perkembangan Antarabangsa

Dasar dan Perkembangan

I. Hala Tuju Dasar pada Tahun 2004

Industri takaful telah muncul sebagai satu komponen penting sistem kewangan Islam yang komprehensif, yang mampu menyumbang secara berkesan pada pertumbuhan ekonomi secara keseluruhan dan kestabilan kewangan. Usaha-usaha terus dijalankan bagi memperkukuh infrastruktur keseluruhan yang menyokong perkembangan industri takaful yang berdaya tahan dan teguh. Pada tahun 2004, teras dasar tertumpu pada mempertingkatkan infrastruktur keinstitusian, rangka kerja pengawalseliaan dan kehematan, infrastruktur Syariah dan perundangan, serta kesedaran dan perlindungan pengguna.

Mempertingkatkan Infrastruktur Keinstitusian

Pada tahun 2004, kemajuan terus dicapai dalam usaha meningkatkan kepelbagaian dan kapasiti pengendali takaful sebagai sebahagian daripada strategi umum bagi mempertingkatkan infrastruktur keinstitusian industri takaful.

- Kelulusan secara prinsip telah diberi kepada sebuah kumpulan perbankan tempatan bagi menjalankan perniagaan takaful melalui pendaftaran sebuah subsidiari baru di bawah kumpulan perbankan berkenaan. Langkah ini adalah selaras dengan keperluan bagi melengkapi perkembangan industri perbankan Islam yang mantap, di samping memanfaatkan sinergi infrastruktur yang ada dalam kumpulan perbankan tersebut.

- Berikutan arahan yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia pada bulan November 2003 yang menetapkan keperluan modal berbayar minimum sebanyak RM100 juta, usaha penambahan modal telah selesai dijalankan oleh pengendali takaful pada tahun 2004. Penambahan modal minimum ini sebahagian besarnya dibuat melalui terbitan hak dan terbitan bonus. Ekoran langganan penuh oleh pemegang saham yang ada, tidak berlaku sebarang perubahan penguasaan dalam mana-mana pengendali takaful.

Mempertingkatkan Rangka Kerja Pengawalseliaan, Kehematan dan Pengendalian

Pengawalseliaan

Bank Negara Malaysia terus mempertingkatkan rangka kerja pengawalseliaan terhadap industri takaful. Ini dilakukan melalui pelaksanaan beberapa langkah yang bertujuan memperkukuh amalan tadbir urus korporat dan meningkatkan ketelusan pelaporan kewangan serta keberkesanan rangka kerja pencegahan pengubahan wang haram.

- **Garis Panduan mengenai Jawatan Pengarah bagi Pengendali Takaful**
  Garis Panduan ini dikeluarkan bagi memperkukuh keberkesanan lembaga pengarah dan pengurusan kanan dalam pengurusan keseluruhan pengendali takaful. Memandangkan betapa tingginya tahap komitmen yang perlu diberikan oleh lembaga pengarah, Garis Panduan ini menetapkan keperluan yang lebih tinggi bagi kelayakan dan kesesuaian pengarah. Garis Panduan ini juga menetapkan keperluan berkaitan dengan pelantikan dan pelantikan semula, tugas dan tanggungjawab pengarah dan ketua eksekutif yang bertujuan memastikan mereka kompeten, bebas dan berintegriti dalam mengurus hal-ehwal pengendali takaful.

- **Garis Panduan mengenai Urus Niaga Pihak Berkaitan bagi Pengendali Takaful**
  Garis Panduan ini menetapkan standard, amalan dan prosedur umum yang perlu diguna pakai oleh pengendali takaful apabila berurusan dengan pihak berkaitan. Keperluan tambahan dikenakan bagi urus niaga khusus yang melibatkan pembayaran dividen, pembelian dan penjualan harta benda, pelunasan caruman dan perkongsian sumber yang sama, misalnya berkongsi

sistem komputer dan premis fizikal dengan pihak berkaitan. Keperluan ini bertujuan memastikan urus niaga yang dijalankan oleh pengendali takaful dengan pihak berkaitan adalah adil, munasabah dan tidak menjejaskan kepentingan pengendali takaful, para peserta, pihak yang menuntut atau pemiutang. Garis Panduan ini juga mengehendaki urus niaga dengan pihak berkaitan didedahkan dalam penyata tahunan berkanun kepada Bank Negara Malaysia dan penyata bulanan bagi tempoh berakhir bulan Jun dan Disember melalui Sistem Statistik Pengendali Takaful (TOSS).

- **Garis Panduan mengenai Penyata Kewangan bagi Pengendali Takaful**
  Garis Panduan ini dikeluarkan bagi menyeragamkan format laporan kewangan pengendali takaful. Dengan menetapkan keperluan penzahiran yang minimum bagi penyata kewangan pengendali takaful, Garis Panduan ini bertujuan meningkatkan kebolehbandingan dan kegunaan laporan, terutamanya bagi membantu pihak berkepentingan menilai prestasi pengendali takaful. Garis Panduan ini dihasilkan berdasarkan piawai perakaunan yang dikeluarkan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia bagi insurans, dengan pengubahsuaian yang sesuai bagi takaful seperti yang dipersetujui oleh Majlis Penasihat Syariah (MPS) Bank Negara Malaysia. Pengendali takaful dikehendaki mengguna pakai keperluan penzahiran minimum yang ditetapkan oleh Garis Panduan mengenai penyata kewangan ini bermula pada tahun kewangan berakhir 2004.

- **Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram 2001–Prosedur Pengesahan**
  Garis Panduan minimum mengenai prosedur pengesahan diperkenalkan untuk diguna pakai bagi permohonan oleh bakal pelanggan yang menyertai pelan takaful mulai 1 Oktober 2004. Ini bertujuan mencegah industri takaful daripada digunakan sebagai saluran aktiviti pengubahan wang haram. Panduan minimum ini dikeluarkan bagi memudahkan pengendali takaful mematuhi Seksyen 16(2) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram 2001 yang mengehendaki proses semakan yang sewajarnya dilakukan ke atas bakal pelanggan dan didokumenkan dengan betul. Bagi memperkukuh usaha memerangi pengubahan wang haram, kakitangan penyeliaan Bank Negara Malaysia juga digembleng bagi mengkaji semula kecukupan langkah-langkah pencegahan pengubahan wang haram yang diwujudkan oleh entiti yang dikawal selia. Usaha Bank Negara Malaysia yang berterusan dalam bidang ini mendorong pengendali takaful memberi penekanan yang lebih pada pelaksanaan langkah-langkah yang perlu bagi mengesan dan mencegah aktiviti pengubahan wang haram.

Kehematan

Bagi memperkukuh rangka kerja kehematan terhadap industri takaful, skop skim takaful telah diperluas melalui sumbangan pemegang saham bagi memperbaiki defisit dalam kumpulan wang risiko takaful. Di bawah pengaturan ini, pemegang saham pengendali takaful dikehendaki membuat pemindahan aset tanpa syarat ke dalam kumpulan wang risiko takaful berdasarkan prinsip tabarru' pada bila-bila masa yang diperlukan. Pengaturan ini dipersetujui oleh MPS selaras dengan keperluan bagi memastikan kestabilan sistemik dan daya tahan industri takaful.

Pengendalian

Beberapa inisiatif penting dilaksanakan pada tahun 2004 bagi menggalakkan pembaikan dalam amalan pasaran dan kecekapan pengendalian industri takaful.

- **Dasar Baru Perlindungan Takaful bagi Pembiayaan Secara Islam**
  Dasar ini mengehendaki institusi perbankan Islam menawarkan perlindungan takaful sebagai pilihan pertama bagi pembiayaan secara Islam yang memerlukan perlindungan. Pengecualian pada aturan ini hanya dibenarkan apabila pelanggan mengutamakan insurans konvensional atau apabila perlindungan takaful tiada

di pasaran. Selain itu, institusi perbankan Islam wajib menggunakan perlindungan takaful yang kos perlindungannya, iaitu caruman, merupakan sebahagian daripada pakej pembiayaan. Dasar ini dirumus sesudah berunding dengan MPS dengan tujuan mengekalkan integriti industri perkhidmatan kewangan Islam dari segi pematuhan Syariah sepenuhnya.

- **Penggunaan Teknologi Yang Lebih Meluas melalui eINSURANS JPJ**
  Satu inisiatif yang melibatkan seluruh industri telah dilaksanakan bagi meningkatkan kecekapan pengendalian nota perlindungan motor oleh pengendali takaful melalui pengemukaan dalam talian kepada Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) bagi tujuan pengeluaran cukai jalan. Bank Negara Malaysia juga menjalankan pemeriksaan ke atas tiga pemberi khidmat gerbang e-nota perlindungan yang memberikan perkhidmatan berkaitan kepada penanggung insurans dan pengendali takaful bagi memastikan kesediaan sistem teknologi maklumat dan infrastruktur mereka sebelum JPJ melaksanakan eINSURANS sepenuhnya. Memandangkan JPJ hanya mengiktiraf e-nota perlindungan setelah pelaksanaan penuh eINSURANS pada bulan Januari 2005, ia dijangka dapat menghapuskan masalah berkaitan dengan nota perlindungan palsu, dan seterusnya menghapuskan masalah kenderaan tidak berinsurans.

- **Penguatkuasaan Keperluan Bayar Tunai-Sebelum-Perlindungan (CBC)**
  Keperluan berkanun CBC menetapkan bahawa pengendali takaful tidak dibenarkan menanggung apa-apa risiko berkaitan dengan takaful motor, melainkan caruman yang perlu dibayar telah diterima oleh mereka. Bagi menggalakkan disiplin pasaran yang lebih tinggi dalam pengurusan caruman takaful motor dan pengeluaran nota perlindungan, pengendali takaful kini boleh dikompaun kerana kesalahan di bawah seksyen 25 Akta Takaful 1984, dan peraturan-peraturan yang relevan bagi pelanggan yang berurusan secara terus dengan mereka. Selain itu, pengendali takaful dikehendaki menyediakan peruntukan yang mencukupi bagi caruman takaful motor yang tertunggak lebih dari 30 hari dan bukan enam bulan seperti yang diamalkan sebelum ini.

- **Pangkalan Data Terpusat bagi Penganggaran Pembaikan Motor**
  Usaha sama dengan industri dimulakan pada tahun 2004 bagi memantau usaha memperbaik pangkalan data terpusat mengenai kos alat ganti dan kos buruh Motor Research Consortium Sdn. Bhd. (MRC) seperti yang digunakan oleh penanggung insurans, pengendali takaful, pelaras dan pembaik motor. Satu jawatankuasa kerja bersama ditubuhkan untuk mengendalikan tugas ini, selaras dengan keperluan memaksimumkan penggunaan pangkalan data yang diperkenalkan pada tahun 2001 bagi mengurangkan kesubjektifan dalam penganggaran tuntutan.

- **Syarat yang Disemak bagi Pengaturan antara Pengendali Takaful dengan Pemegang Francais Kenderaan mengenai Pembaikan Kenderaan**
  Selaras dengan perkembangan pasaran, syarat yang dikenakan oleh Bank Negara Malaysia kepada pengendali takaful ketika memberikan kelulusan untuk mengadakan pengaturan dengan pemegang francais bagi membaiki kenderaan yang rosak telah disemak pada tahun 2004. Syarat yang disemak itu termasuk keperluan menggunakan pangkalan data terpusat yang dikendalikan oleh MRC bagi penganggaran pembaikan motor. Selain itu, pengendali takaful dinasihatkan supaya berhenti membayar bagi promosi program manfaat pelanggan kenderaan pemegang francais sekiranya pemegang francais gagal mematuhi mana-mana syarat.

Memperkukuh Infrastruktur Syariah dan Perundangan

Pada tahun 2004, langkah-langkah diambil bagi memperkukuh rangka kerja Syariah dan perundangan untuk pembangunan perbankan Islam dan takaful.

- Rangka kerja Syariah diperkukuh dengan pengeluaran Garis Panduan tentang Tadbir Urus Jawatankuasa Syariah bagi institusi kewangan Islam. Garis Panduan ini dikeluarkan bagi memperkemas fungsi dan tugas Jawatankuasa Syariah pengendali takaful, di samping memperluas dan memperteguh peranan MPS bagi memastikan tadbir urus Syariah yang lebih baik dalam industri takaful. Ini adalah ekoran pindaan kepada Akta Bank Negara Malaysia 1958 dan Akta Takaful 1984 yang dibuat pada tahun 2003 bagi meningkatkan peranan dan fungsi MPS sebagai pihak berkuasa tunggal mengenai hal-hal Syariah yang berkaitan dengan perbankan Islam dan takaful. Garis Panduan ini juga menekankan kebebasan dan integriti Jawatankuasa Syariah dengan mengehadkan pelantikan mana-mana ahli MPS atau ahli Jawatankuasa Syariah pengendali takaful menjadi ahli Jawatankuasa Syariah pengendali takaful yang lain. Langkah ini akan memanfaatkan industri perkhidmatan kewangan Islam dalam jangka masa panjang kerana ia membuka jalan ke arah mewujudkan dan meramaikan bilangan ahli Syariah yang berkelayakan dan terlatih, yang terampil dalam kewangan Islam.

- Pindaan selanjutnya dibuat terhadap Akta Cukai Pendapatan 1967, Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976 dan Akta Setem 1949, selaras dengan dasar cukai yang neutral bagi perbankan dan kewangan Islam yang diperkenalkan oleh Kerajaan dalam Bajet 2005. Di bawah rangka kerja cukai yang neutral, Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) akan mengecualikan instrumen dan urus niaga tambahan yang dilaksanakan bagi memenuhi kehendak Syariah daripada tambahan bayaran duti setem dan cukai. Bank Negara Malaysia diberi kuasa di bawah undang-undang sebagai pihak berkuasa yang mengesyorkan kepada LHDN bagi pengecualian instrumen dan urus niaga demikian daripada membayar duti setem.

Mempertingkatkan Kesedaran dan Perlindungan Pengguna

Usaha juga ditumpukan ke arah memperkukuh infrastruktur perlindungan pengguna dan mempertingkatkan tahap celik kewangan supaya keyakinan orang ramai pada industri takaful bertambah baik.

- **Biro Pengantaraan Kewangan**
  Biro Pengantaraan Kewangan (FMB) ditubuhkan pada awal tahun 2005 bagi menyokong proses penyelesaian pertikaian secara cekap yang melibatkan pelbagai produk dan perkhidmatan kewangan yang disediakan oleh institusi kewangan di bawah penyeliaan Bank Negara Malaysia. Bagi memantapkan lagi mekanisme penyelesaian masalah pengguna di peringkat industri, FMB akan bertanggungjawab menyelesaikan aduan atau pertikaian antara pengguna dengan institusi kewangan yang membabitkan perbankan, insurans, perbankan Islam dan takaful. Sebagai biro pengantaraan yang bersepadu dengan skop tanggungjawab yang lebih luas, FMB mengambil alih dan menggabungkan fungsi pengantaraan yang berasingan bagi perbankan dan insurans yang sebelum ini dikenali sebagai Biro Pengantaraan Perbankan dan Biro Pengantaraan Insurans.

- **Standard Minimum bagi Penzahiran Produk dan Ketelusan dalam Pemasaran Pelan Takaful Perubatan dan Kesihatan**
  Satu surat pekeliling mengenai standard minimum dikeluarkan bagi menetapkan keperluan pengendalian pasaran yang berkaitan dengan penzahiran dan proses khidmat nasihat yang perlu dipatuhi oleh pengendali takaful dan pengantara mereka. Ini adalah bagi memastikan bakal pelanggan mampu membuat keputusan yang berasaskan maklumat. Usaha bagi mencapai standard amalan terbaik dalam pemasaran pelan takaful perubatan dan kesihatan adalah antara usaha bagi memudahkan pembangunan perniagaan takaful perubatan dan kesihatan secara teratur.

- **Program Pendidikan Pengguna**
  Risalah pendidikan yang baru mengenai ‘takaful berkaitan pelaburan’ dan ‘takaful kemalangan diri’ telah dikeluarkan di bawah Program Pendidikan Pengguna

10 tahun mengenai insurans dan takaful yang dikenali sebagai 'InfoInsurans'. InfoInsurans adalah usaha sama antara Bank Negara Malaysia, industri insurans dan takaful, iaitu sebahagian daripada strategi bagi meningkatkan kesedaran dan kefahaman pengguna mengenai insurans dan takaful. Risalah pendidikan ini diterbitkan dalam laman web InfoInsurans dan juga disebarkan kepada orang ramai dalam bentuk buku kecil.

- **Pameran Halal Antarabangsa Malaysia (MIHAS) dan Ekspo Perbankan Islam dan Takaful (IBTE)**
  Pada tahun 2004, Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia buat kali pertama menganjurkan MIHAS manakala Persatuan Institusi Perbankan Islam Malaysia pula menganjurkan IBTE tahunan. Penganjuran ini, yang turut disertai oleh Bank Negara Malaysia, berjaya membawa pihak berkepentingan yang utama dengan lebih dekat dalam pembangunan kewangan Islam.

II. Penyeliaan Industri Takaful

Pengawasan Bank Negara Malaysia yang menyeluruh terhadap industri takaful merangkumi fungsi pengawalan dan penyeliaan. Sejak tahun 2003, Bank Negara Malaysia telah melaksanakan anjakan strategik dalam falsafah dan pendekatan penyeliaan. Anjakan strategik ini menghasilkan transformasi, iaitu daripada pendekatan penyeliaan dari bawah ke atas yang berdasarkan audit kepada pendekatan yang lebih holistik dan berorientasikan masa hadapan. Ini dicapai melalui pelaksanaan Rangka Kerja Penyeliaan Berdasarkan Risiko sejak bulan Ogos 2004.

Selaras dengan fokus Bank Negara Malaysia pada perlindungan pengguna, penyeliaan pada peri laku penanggung insurans dan pengendali takaful akan terus dijalankan bagi memastikan hak pemegang polisi dan orang ramai dilindungi dengan sewajarnya. Di bawah rangka kerja yang baru ini, penyeliaan gelagat pasaran dijalankan secara

Rangka Kerja Penyeliaan Berdasarkan Risiko

Rangka Kerja Penyeliaan Berdasarkan Risiko (RBSF) adalah proses dinamik yang berkitar dan berterusan ketika merancang dan menjalankan aktiviti penyeliaan tertentu. RBSF telah dilaksanakan dengan tujuan memastikan semua entiti yang dikawal selia mengguna pakai amalan perniagaan yang baik dan mempunyai kedudukan kewangan yang teguh dan mantap. Proses penyeliaan yang baru ini menggunakan pendekatan yang berstruktur bagi menilai profil risiko penanggung insurans atau pengendali takaful, kedudukan kewangan dan kecukupan sistem pengurusan operasi dan pengurusan risiko mereka, bagi membuat penilaian secara keseluruhan mengenai kedudukan penanggung insurans atau pengendali takaful dan kemungkinan muncul risiko utama pada masa hadapan. Penekanan berbeza yang diberikan bergantung pada profil risiko entiti yang dikawal selia. Ini seterusnya menggalakkan budaya pengurusan risiko yang lebih baik dalam industri. Bagi meminimumkan pertindihan tugas, Bank Negara Malaysia akan memanfaatkan sebahagian kerja yang dijalankan oleh juruaudit luar dan dalam, aktuari yang dilantik dan profesional lain, berhubung dengan kesaksamaan penyata kewangan, persekitaran kawalan, pematuhan pengendalian pada dasar dan prosedur serta kecukupan liabiliti teknikal. Pendekatan yang berorientasikan masa hadapan ini akan membolehkan Bank Negara Malaysia menempatkan sumbernya secara optimum, dan dengan demikian, tumpuan penyeliaan yang lebih boleh diberikan kepada entiti yang penting dari segi sistemik dan/atau entiti yang mempunyai profil risiko yang lebih tinggi.

Proses penilaian risiko bermula dengan mengenal pasti aktiviti penting entiti yang dikawal selia dan risiko sedia ada yang berkaitan dengan aktiviti berkenaan. Ini dicapai melalui pemantauan berterusan di luar premis atas maklumat kewangan dan pasaran, pemeriksaan di premis, di samping dialog dengan pengurusan kanan entiti yang dikawal selia. Ini membolehkan Bank Negara Malaysia menilai keberkesanan sistem pengurusan risiko entiti terbabit berbanding risikonya, dan juga kecukupan modal dan keuntungan bagi mengurangkan risiko bersih.

berasingan dengan menggunakan rangka kerja penyeliaan yang berbeza. Keputusan kedua-dua proses penyeliaan akan digabungkan bagi mencerminkan kedudukan keseluruhan penanggung insurans atau pengendali takaful dari segi kedudukan kewangan dan gelagat pasaran.

Sebagai sebahagian daripada usaha penyeliaan, daya tahan setiap entiti yang dikawal selia kepada kejutan ekonomi di bawah keadaan yang sukar juga dipantau secara berterusan. Sehubungan dengan ini, penanggung insurans dan pengendali takaful dikehendaki mengemukakan keputusan ujian tekanan bagi setiap separuh tahun. Ujian tekanan ini merangkumi satu set parameter seperti yang ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia dengan fleksibiliti diberikan kepada entiti yang dikawal selia bagi mengguna pakai andaian mereka sendiri bagi parameter tertentu.

Aktiviti penyeliaan Bank Negara Malaysia juga memberikan tumpuan pada beberapa bidang tertentu yang penting bagi keselamatan dan keutuhan keseluruhan entiti yang dikawal selia. Bidang berkenaan termasuk penyeliaan sistem maklumat (SM) dan pengawasan penipuan.

Penyeliaan Sistem Maklumat

Bank Negara Malaysia telah mengambil langkah bagi meningkatkan tadbir urus SM di samping menggalakkan amalan terbaik SM dalam entiti yang dikawal selia selaras dengan perkembangan teknologi yang pesat dalam persekitaran insurans dan takaful. Langkah-langkah itu termasuk pemeriksaan di premis, pemantauan di luar premis, pengeluaran garis panduan mengenai pengurusan persekitaran SM dan memperbaik standard penyeliaan SM dengan menanda aras standard itu dengan standard pengauditan SM lain yang sudah diuji. Bagi membuat penilaian yang lebih baik pada persekitaran SM dan menentukan keutuhan operasi SM penanggung insurans dan pengendali takaful, Bank Negara Malaysia telah meningkatkan kualiti fungsi penyeliaan SM dengan melaksanakan metodologi baru pemeriksaan di premis, iaitu Penilaian Risiko Sistem Maklumat (PRiSM). Metodologi ini memberi penilaian yang lebih saksama pada persekitaran SM dengan mengaitkan amalan dan risiko SM dengan keperluan dan proses perniagaan. Usaha juga sedang dibuat untuk membangunkan sistem bagi meningkatkan fungsi pemantauan di luar premis melalui pangkalan data maklumat mengenai perkembangan dan penggunaan teknologi oleh penanggung insurans dan pengendali takaful. Sistem ini akan menyediakan mekanisme amaran awal mengenai potensi risiko sistemik dan menanda aras proses teras yang meliputi seluruh industri insurans dan takaful.

Pengawasan Penipuan

Sistem pengawasan penipuan diwujudkan melalui Sistem Pangkalan Data Maklumat Penipuan Elektronik (eFIDS) yang mencatat kejadian penipuan dalam industri insurans dan takaful. Pangkalan data ini membolehkan Bank Negara Malaysia mengenal pasti modus operandi baru penipuan dan memaklumkan industri insurans dan takaful supaya berwaspada bagi mencegah kejadian penipuan yang seterusnya. Bagi memperkukuh usaha memerangi penipuan, jawatankuasa antipenipuan yang ahlinya terdiri daripada pegawai Bank Negara Malaysia dan persatuan yang mewakili industri insurans dan takaful telah ditubuhkan pada tahun 2004. Jawatankuasa ini bertanggungjawab mengenal pasti dan merangka cadangan penyelarasan dan kerjasama yang lebih baik antara Bank Negara Malaysia, agensi penguat kuasa undang-undang, persatuan insurans dan takaful, dalam usaha mereka membanteras penipuan.

Matlamat akhir penyeliaan adalah bagi menggalakkan industri insurans dan takaful yang utuh dan mantap, di samping melindungi kepentingan pemegang polisi dan mengekalkan kepercayaan orang ramai pada sistem kewangan. Tumpuan strategik pada masa hadapan ialah pengawasan kewangan, pengurusan risiko dan amalan pasaran, tadbir urus korporat, kualiti pengurusan dan akauntabiliti awam sebagai batu asas bagi memperkukuh daya tahan kewangan penanggung insurans dan pengendali takaful dalam keadaan yang lebih kompetitif dan liberal. Usaha terus dijalankan bagi memastikan pendekatan penyeliaan adalah sesuai dan relevan, dan Bank Negara Malaysia dilengkapi dengan kemahiran dan keupayaan yang diperlukan bagi menangani cabaran masa depan dengan berkesan.

III. Perkembangan Antarabangsa

Pada tahun 2004, Bank Negara Malaysia dan

peserta industri terus menyertai inisiatif bagi membangunkan takaful di peringkat global secara aktif.

Memorandum Persefahaman Bank Negara Malaysia-Bank Pembangunan Islam (IDB)

Memorandum persefahaman (MoU) antara Bank Negara Malaysia dengan IDB ditandatangani pada 30 Jun 2004. Memorandum ini antara lain bertujuan mempromosikan dan mengembangkan perniagaan takaful dan takaful semula di kalangan negara yang menjadi ahli Pertubuhan Persidangan Negara-negara Islam (OIC). Langkah-langkah tertentu dikenal pasti bagi dilaksanakan secara bersama oleh kedua-dua belah pihak. Tumpuan akan diberikan pada usaha mempromosikan ASEAN Retakaful International (L) Ltd. sebagai pengendali takaful semula utama negara anggota OIC. Dengan termeterainya MoU ini, pengendali takaful Malaysia dijangka memainkan peranan yang lebih aktif dalam menerokai peluang di luar negara.

Kerjasama Kumpulan Lapan Negara Islam Membangun (D-8)

Kemajuan telah dicapai dalam inisiatif D-8 semasa mesyuarat perasmian yang dianjurkan oleh Bank Negara Malaysia pada 13 Julai 2004 bagi mewujudkan mekanisme kerjasama bagi membangunkan takaful di kalangan pengawal selia negara-negara D-8. Mesyuarat bersetuju dengan penubuhan dua kumpulan kerja dalam bidang pendidikan dan latihan, dan pembangunan infrastruktur kewangan, masing-masing diterajui oleh Malaysia dan Mesir.

ASEAN Retakaful International (L) Ltd. (ARIL)

Usaha diteruskan bagi memperkukuh kedudukan ARIL sebagai pengendali takaful semula yang utama bagi negara-negara D-8 dan OIC. Satu inisiatif penting ke arah ini adalah penyiapan sebahagian daripada usaha menambah modal melalui terbitan bonus dan hak kepada pemegang saham yang sedia ada. Program ini telah meningkatkan modal berbayar ARIL kepada AS$14 juta daripada AS$4 juta. Berikutan langkah memperkukuh kedudukan kewangan dan kapasiti perniagaannya, ARIL telah menggariskan rancangannya untuk menambah lagi modalnya kepada AS$60 juta menjelang tahun 2008.